



🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » UPM Ke-123 Universiti Terbaik Dunia, Lonjakan 20 Anak Tangga

Senarai Berita (/berita)

## UPM Ke-123 Universiti Terbaik Dunia, Lonjakan 20 Anak Tangga

Oleh: Nor Hazlina Zamaruddin



SERDANG, 9 Jun - Universiti Putra Malaysia (UPM) meneruskan kecemerlangan dalam QS World University Rankings 2023 apabila berjaya membuat lonjakan sebanyak 20 anak tangga untuk berada pada kedudukan 123 terbaik dunia dan universiti kedua terbaik dalam negara. Kedudukan cemerlang ini sekali gus merekodkan pencapaian terbaik UPM dalam sejarah penarafan antarabangsa.

Merujuk kepada pencapaian UPM dalam QS World University Rankings 2023, empat (4) indikator penilaian menunjukkan peningkatan ranking iaitu Reputasi Akademik, Reputasi Majikan, Nisbah Staf Akademik dengan Pelajar dan Peratus Pelajar Antarabangsa dengan indikator pelajar antarabangsa dilihat sebagai kekuatan utama UPM apabila menduduki tempat ke-99 di dunia.

Ini menunjukkan reputasi serta pengiktirafan antarabangsa terhadap kemampuan dan kualiti akademik di UPM yang berjaya menarik minat pelajar antarabangsa untuk mengikuti program pengajian di UPM dan setanding dengan universiti terkemuka antarabangsa.

Naib Canselor UPM, YH. Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata walaupun UPM berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk kesan daripada pandemik COVID-19, dedikasi dan sokongan penuh yang diperolehi dari pelbagai peringkat staf yang digembleng berdasarkan kepada misi, visi, nilai dan budaya kecemerlangan membolehkan UPM terus merekodkan kejayaan demi kejayaan dalam segala aspek terutamanya penyelidikan dan reputasi antarabangsa.

"Pencapaian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan lagi kebitaraan UPM yang pada akhirnya akan memberikan sumbangan yang bermakna kepada kemajuan negara dan kesejahteraan masyarakat," katanya.

Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan berkata walaupun terus mencatat peningkatan, sebagai institusi ilmu yang sentiasa mengutamakan kualiti dan kecemerlangan, UPM percaya ada banyak lagi ruang penambahbaikan agar kecemerlangan ini dapat terus dipertingkatkan.

"Antara inisiatif yang akan diteruskan ialah, memberi perhatian kepada kualiti penyelidikan dalam bidang tujuhan utama khususnya bidang pertanian dan sekuriti makanan di samping meningkatkan reputasi universiti di peringkat lokal dan juga global," katanya.

Bagi menjayakan agenda ini, UPM akan terus memperhebatkan usaha secara tersusun dan berstruktur melalui penanda aras dalam aspek amalan dan pencapaian UPM dengan universiti yang cemerlang di rantau ini dan juga dunia. - UPM

Tarikh Input: 15/06/2022 | Kemaskini: 15/06/2022 | hairul\_nizam

### PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.oddttoany.com/share#url=https%3A%2F

### LIHAT JUGA



Harga Air Mineral 'Kayangan', Persoalannya Kenapa? (/berita/harga\_air\_mineral\_kayangan\_persoalannya\_kenapa-67155)



PELANTIKAN SEMULA DULI YANG MAHA MULIA (D.Y.M.M) SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ SEBAGAI CANSELOR UPM (/berita/pelantikan\_semula\_duli\_yang\_maha\_mulia\_dyymm\_sultan\_sharafuddin\_idris\_shah\_alhaj\_sebagai\_canselor\_upm-67154)



UPM Ke-123 Universiti Terbaik Dunia, Lonjakan 20 Anak Tangga (/berita/upm\_ke\_123\_universiti\_terbaik\_dunia\_lonjakan\_20\_anak\_tangga-67153)



Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
+603-9769 1000  
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)



Entiti Kami



Dokumen



Newsletter



Tetapan

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm\_ke\_123\_universiti\_terbaik\_dunia\_lonjakan\_20\_anak\_tangga-67153&title=UPM%20Ke-123%20Universiti%20Terbaik%20Dunia%2C%20Lonjakan%20%20Anak%20Tangga%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia) (#facebook) (#twitter) (#linkedin) (#email) (#copy\_link) (#wordpress) (#print)

BM ▾

**HUBUNGI KAMI**

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

+603-9769 1000

---

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN  
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM  
(24 JAM)  
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |  
03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara  
(http://bursar1.upm.edu.my/spin/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)  
(http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/  
/kmportalweb/portal/  
/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://sps.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT  
(http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub  
(http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan  
(http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/  
/login/)

i-GIMS (staf)  
(http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/  
/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah)  
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/  
/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar  
pascasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/  
/smp/action/security/login\$mpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia  
(https://www.moe.gov.my/)

Keluarga Malaysia  
(https://keluarga.malaysia.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi  
Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)

Multimedia Super Corridor (https://mdcc.  
/msc-malaysia/)

Portal myGovernment  
(https://www.malaysia.gov.my/)

Agensi Kelayakan Malaysia  
(https://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik, Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/  
/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/  
/mengenal\_kami/maklumat\_korporat/  
/piagam\_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal\_kami/  
/dasar\_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk\_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/  
/Penerbitan\_UPM-29895)

UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/  
/landing/upm)

Takwim UPM 2022 (https://pspk.upm.edu.my/upload/  
/dokumen/  
/20220307083100TAKWIM\_UPM\_2022\_(KESELURUHAN).pdf)



(http://putra.upm.edu.my)



(http://portal.upm.edu.my)



(http://www.pertanika.upm.edu.my)



(http://www.learnin.ghub.upm.edu.my)



(http://www.pasir.upm.edu.my/)



(https://smp.upm.edu.my)



(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/  
/sgsportal/)



(http://eclaims.upm.edu.my/login/)



(http://reg.upm.edu.my/eISO/)



(http://emel.upm.edu.my)

- Entiti Kami
- Dokumen
- Newsletter
- Tetapan

Dasar Privasi (footnote/dasar\_privasi-29949) Hakcipta (footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (footnote/penafian-29938) Bantuan (footnote/bantuan-29937) UPM online (footnote/upm\_online-38695) Dasar Keselamatan (footnote/dasar\_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL  **HANTAR**